

Naib Canselor UMS ditauliah Kolonel

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah mentauliahkan pangkat Kolonel Kehormat Pasukan Askar Wataniah, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada naib canselor-naib canselor Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar menyempurnakan pemakaian pangkat berkenaan kepada Naib Canselor Unimas Prof Datuk Mohamad Zawawi Ismail dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman di Wisma Pertahanan

di sini pada Selasa.

Dr Mohamad Zawawi dan Dr Abu Hassan telah dilantik menjawat jawatan Komandan Palapes universiti masing-masing pada 1 Feb dan 24 Feb lepas.

Menurut Dr Mohamad Zawawi, selain mempergiatkan kegiatan Palapes, Unimas dengan kerjasama ATM juga akan mewujudkan kursus mengenai keselamatan bagi pelajar universiti yang berminat.

UMS pula sehingga kini mempunyai 200 orang anggota Palapes termasuk 35 mahasiswi, kata Dr Abu Hassan. -Bernama